



## IDENTITI SOSIAL DAN TINGKAH LAKU PENGUNDI DALAM PILIHAN RAYA NEGERI (PRN) KEDAH 2023

*SOCIAL IDENTITY AND VOTER BEHAVIOR IN THE KEDAH STATE ELECTION  
2023*

Junaidi Awang Besar<sup>1\*</sup>, Novel Lyndon<sup>2</sup>, Zaini Othman<sup>3</sup>, Aajirah Hanim Abdul Halim<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor  
Email: jab@ukm.edu.my

<sup>2</sup> Program Antropologi dan Sosiologi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor  
Email: novel@umk.edu.my

<sup>3</sup> Institut Kajian Etnik; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor  
Email: znothman@ukm.edu.my

<sup>4</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor  
Email: aajirahhanim@gmail.com

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 02.10.2023

Revised date: 15.11.2023

Accepted date: 30.11.2023

Published date: 07.12.2023

#### To cite this document:

Awang Besar, J., Lyndon, N., Othman, Z., & Abdul Halim, A. H. (2023). Identiti Sosial Dan Tingkah Laku Pengundi Dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Kedah 2023. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (34), 65-81.

DOI: 10.35631/IJLGC.834005

### Abstrak:

Pilihan Raya Negeri (PRN) Kedah 2023 adalah antara 6 negeri yang diadakan secara serentak pada 12 Ogos 2023. Terdapat beberapa isu kontroversi sepanjang kempen di negeri tersebut antaranya isu kepimpinan Menteri Besar Kedah daripada PAS iaitu Datuk Seri Sanusi Mohd Noor, isu perlombongan logam REE, isu pembalakan, isu bekalan air, isu pembangunan dan isu kerjasama Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Kesemua isu tersebut membentuk identiti sosial dan tingkah laku politik pengundi di negeri tersebut. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis identiti sosial dan tingkah laku politik pengundi di Negeri Kedah pada 2023. Berdasarkan analisis data keputusan PRN 2023 di Kedah, pemerhatian di lapangan dan analisis sumber sekunder seperti artikel jurnal dan kertas persidangan, dapatkan kajian menunjukkan bahawa identiti sosial Orang Melayu berasaskan agama, hak, status, budaya, bahasa dan nilai sosial telah dijadikan modal politik oleh parti PN untuk memastikan mereka dilihat sebagai parti yang menjuarai Orang Melayu berbanding dengan parti kerajaan perpaduan. Jentera komunikasi kerajaan perpaduan terutamanya UMNO dan Pakatan Harapan (PH) sangat lemah dan tidak disusun dengan baik hingga menyebabkan mereka gagal menjawab persepsi yang dikemukakan oleh Parti Perikatan Nasional (PN). Proklamasi Melayu yang dicanangkan oleh PN

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



terutamanya PAS telah berjaya menyentuh hati para pengundi muda yang sememangnya merupakan king maker yang menentukan parti mana yang dapat membentuk Kerajaan.

#### Kata Kunci:

Pilihan Raya Negeri, Isu, Identiti Sosial, Tingkah Laku Pengundi, Kepimpinan

#### Abstract:

The Kedah State Election (PRN) 2023 is one of the 6 states that will be held simultaneously on 12 August 2023. There are several controversial issues throughout the campaign in the state, including the issue of the leadership of the Kedah Menteri Besar from PAS, Datuk Seri Sanusi Mohd Noor, the REE metal mining issue, logging issues, water supply issues, development issues and State Government cooperation issues with the Federal Government. All these issues shape the social identity and political behavior of voters in the state. Therefore, it is the purpose of writing this article to analyze the social identity and political behavior of voters in the State of Kedah in 2023. Based on data analysis of PRN 2023 results in Kedah, observations in the field and analysis of secondary sources such as journal articles and conference papers, the findings of the study show that the social identity of the Malays based on religion, rights, status, culture, language and social values has been used as political capital by the PN party to ensure that they are seen as a party that champions the Malays compared to the unity government party. The communication machinery of the unity government, especially UMNO and Pakatan Harapan (PH) is very weak and not well organized, causing them to fail to respond to the perceptions presented by the National Alliance Party (PN). The Malay Proclamation launched by PN especially PAS has succeeded in touching the hearts of young voters who are indeed the king makers who decide which party can form the Government.

#### Keywords:

State Elections, Issues, Social Identity, Voter Behavior, Leadership

## Pengenalan

Situasi politik di Malaysia sememangnya tidak boleh lari daripada membicarakan isu etnik, bahasa, budaya, agama dan raja. Hal ini kerana isu-isu yang digariskan ini adalah merupakan identiti sosial yang sangat dekat dengan masyarakat yang mana struktur sosialnya dibina oleh agama, nilai tradisi, sistem kepercayaan, budaya warisan dan hubungan dengan alam dan Tuhan. Struktur sosial ini bergerak secara seimbang dan saling lengkap melengkapi dalam pembinaan tamadun dan negara bangsa. Secara teoritikalnya, etnik, agama dan raja yang dibicarakan dalam konteks politik pada hari ini adalah merupakan komponen yang mencerminkan identiti sosial individu, wilayah dan komuniti. Hal ini kerana ketiga-tiga komponen ini adalah merupakan tiga perkara asas yang terkandung dalam kehidupan masyarakat ringkas sebelum ianya berubah dalam arus modenisasi akibat daripada proses industrialisasi melalui sistem ekonomi kapitalis yang akhirnya membentuk sebuah masyarakat yang kompleks. Perubahan sosial ini kemudiannya menyebabkan identiti nasional yang dikongsi sering kali dipersalahkan kerana wujudnya konflik etnik dan pembangunan ekonomi hinggakan mereka telah dilabelkan sebagai anti pembangunan. Hal ini menimbulkan dua persoalan utama iaitu adakah pemodenan masyarakat melalui proses perindustrian membawa kepada perubahan identiti sosial? Dalam masa yang sama, adakah perubahan struktur sosial

masyarakat membawa kepada konflik antara masyarakat dan pembangunan? Kertas ini secara teorinya mengkaji persoalan tentang identiti sosial dan konflik antara sektor pengeluaran berasaskan sistem ekonomi kapitalis dan struktur sosial masyarakat industri. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis identiti sosial dan tingkah laku pengundi dalam PRN Kedah pada 2023.

### **Kajian Lepas: Politik Pilihan Raya Di Negeri Kedah**

Ghazali (1990) dalam kajian Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Pantai Merdeka, Kedah pada Mac 1990 pula mendapati terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan penurunan majoriti yang diperoleh Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil tersebut berbanding pilihan raya umum 1986 iaitu peratusan keluar mengundi yang rendah, isu calon BN yang muflis, dan kemunculan Parti Semangat 46 yang kebanyakannya terdiri daripada bekas ahli UMNO telah menjelaskan sokongan BN dalam pilihan raya kecil tersebut.

Boey (1992) dalam melihat sokongan kaum Cina terhadap MCA dan DAP di kawasan DUN Kota Darulaman, Alor Setar, Kedah mendapati bahawa golongan yang berpendapatan dan berpendidikan tinggi lebih cenderung menyokong MCA berbanding DAP yang disokong golongan yang berpendapatan dan berpendidikan rendah serta kekalahan calon MCA dalam pilihan raya umum 1990 bagi DUN Kota Darulaman adalah disebabkan faktor perkhidmatan MCA yang kurang memuaskan serta berlaku perselisihan faham dalam MCA dan masalah calon yang dipertandingkan.

Selain itu, Ghazali & Mohd Rizal (2000) yang mengkaji tentang pola pengundian pilihan raya kecil DUN Lunas, Kedah pada November 2000 mendapati pemilihan calon yang tidak boleh menang oleh BN untuk bertanding adalah faktor utama kekalahan BN dalam pilihan raya tersebut. Menurut mereka, BN lebih cenderung mengekalkan tradisi pemilihan calon India di DUN tersebut tanpa mengambil kira keadaan dan sensitiviti masyarakat Melayu di DUN berkenaan.

Sementara itu, Norlaila (2000) yang mengkaji persepsi dan partisipasi politik di kalangan guru di daerah Sik, Kedah. Kajian ini mendapati persepsi positif terhadap politik dan mempunyai partisipasi politik yang tinggi. Hal ini kerana para guru dan pihak kerajaan memberi lebih penekanan terhadap masalah sosial remaja dan pendidikan serta mengambil berat masalah rakyat setempat. Ghazali (2000) dalam kajian yang dilakukan pada tahun 1997 di DUN Sala, Kedah dengan tumpuan utama adalah untuk mengetahui adakah terdapat wujudnya perbezaan sosioekonomi antara penyokong PAS dan UMNO seperti mana kajian-kajian pada 60-an dan 70-an dahulu oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Kajian Scott (1985) umpamanya mendapati PAS lebih banyak disokong oleh golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, kajian Ghazali mendapati bahawa ‘warna kulit’ penyokong PAS dan UMNO semakin sukar dikenalpasti iaitu merujuk kepada tidak wujud perbezaan yang jelas dari segi kelas dan ekonomi antara penyokong UMNO dan PAS.

Menurut Abdul Rahman (2000) dalam kajian beliau iaitu ‘Kualiti Dan Kepuakkan Dalam Politik: Rujukan Khusus Ke Atas UMNO Dan Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah’ membawa perbincangan alternatif untuk menunjukkan bagaimana praktik faksionalisme politik dalam konteks UMNO akan mengatasi dan mencipta semula perpaduan, memperkuatkan jentera kerajaan di peringkat negeri dan nasional. Dalam keadaan dimana idealisme, aspirasi dan keperluan rakyat dapat dinyatakan dengan jelas oleh para pemimpinnya, maka sangat penting untuk menyokong kepemimpinan sekarang untuk mencapai misi parti. Sebaliknya, selama

citra, pertanggungjawaban dan prestasi parti telah tercemar, mekanisme seperti praktik politik faksionalisme diperlukan dalam meningkatkan parti kembali ke arah yang benar.

Mohd Fuad, Ahmad Nidzamuddin & Zaini (2001 & 2005) dan Mohd Fuad & Sabihah (2002) dalam kajian pungutan pendapat awam Pra-Pilihan Raya Umum 1999 di Negeri Kedah Darul Aman menjelaskan bahawa terdapat kemerosotan sokongan pengundi Melayu terhadap BN dengan secara purata 30 peratus daripada telah beralih menyokong parti pembangkang PAS. Selain itu, wujudnya dua pola pengundian yang berbeza iaitu pengundi lebih memilih UMNO, tetapi menolaknya atas faktor calon atau kepimpinan UMNO setempat dan pengundi yang menolak UMNO namun menyokong serta mengundi UMNO atas faktor calon yang bertanding kerana tertarik dengan kewibawaan dan ketekunan calonnya.

Junaidi et al. (2009) dan Abdul Halim et al. (2010) dalam kajian PRK DUN Bukit Selambau, Merbok, Kedah menyatakan berlaku penolakan sentimen etnik dalam PRK tersebut yang menunjukkan bahawa 41.2 peratus responden Melayu, 45.5 peratus responden Cina dan 41.1 peratus responden India menyatakan PKR akan mengekalkan kerusi DUN Bukit Selambau. Pada zahirnya keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) ini menunjukkan majoriti pengundi menolak politik perkauman Barisan Nasional dan menyokong ideologi ‘Makkal Sakthi’ atau kuasa rakyat PKR.

Ong & Welsh (2005) dalam artikel mereka yang bertajuk ‘Electoral Delimitation: A Case Study of Kedah’ menyebut bahawa berlaku perubahan sempadan yang memberi kelebihan politik parti yang berkuasa. Mereka memberi contoh N.22 Gurun, Kedah di mana garisan sempadan pentadbiran telah merentasi kawasan konstituensi lain sehingga membawa lebih ramai pengundi masuk ke konstituensi tersebut. N22 Gurun terletak dalam pentadbiran Kuala Muda tetapi satu serpihan kecil kawasan terletak dalam kawasan Sungai Tiang, iaitu sebahagian daripada daerah pentadbiran Pendang. Serpihan yang melampaui sempadan kawasan pentadbiran memaparkan herotan yang amat janggal dan secara tersirat jelas bahawa perkara berkenaan disengajakan sebagai satu strategi bagi meningkatkan jumlah pengundi di kerusi tersebut. Kejanggalan sempadan dan herotan tersebut juga boleh dilihat sebagai satu usaha untuk menambah bilangan kerusi dalam Parlimen P.12 Jerai yang boleh dimenangi parti pemerintah.

Ramanathan & Ahmad Fauzi (2006) menjelaskan bahawa faktor politik pembangunan dan kempen media arus perdana telah menambahkan undi BN dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Pendang dan PRK DUN Anak Bukit 2002 berbanding PRU 1999. Hafizul (2008) mendapati faktor kekalahan BN-UMNO di kawasan Parlimen Baling adalah disebabkan oleh isu kegagalan kerajaan mengawal kenaikan harga barang dan minyak petrol, masalah dalaman parti termasuk gejala sabotaj dalam kalangan ahli dan pemimpin parti setempat, isu perpaduan kaum, isu kerelevanan dasar-dasar yang dibawa oleh kerajaan dan isu undi protes terhadap BN-UMNO.

Ku Hasnan (2008) menjelaskan isu-isu di peringkat persekutuan dan tempatan telah membawa perubahan besar melalui ‘tsunami politik’ kepada landskap politik di negeri Kedah umumnya dan Parlimen Langkawi khususnya dan merubah status quo penguasaan Barisan Nasional yang telah memerintah negeri Kedah selama 51 tahun semenjak Merdeka. Majoriti kawasan-kawasan Parlimen lain di Kedah terlepas ke tangan pihak pembangkang kerana para pengundinya terkesan dengan isu-isu di peringkat Persekutuan dan tempatan, namun para pengundi di Parlimen Langkawi ialah antara kawasan berbaki yang masih lagi mampu

dipertahankan oleh Barisan Nasional masih lagi kekal dan selesa dengan status quo mereka untuk terus memberikan kemenangan kepada calon daripada Barisan Nasional.

Menurut Nor Hashimah et al. (2011), dalam kajian yang bertajuk ‘Persepsi Politik dalam Dialek Kedah: Analisis Semantik Kognitif’ mengaplikasikan teori semantik kognitif iaitu pemaparan skema imej dan pembentukan metafora konsepsi dapat menggambarkan persepsi masyarakat terhadap situasi politik semasa. Kajian ini dilaksanakan untuk menterjemahkan persepsi masyarakat terhadap isu politik yang melanda negara hari ini.

Kajian Mohd Jalaludin et al. (2012) dalam pendapat awam mengenai politik di kedah menjelang PRU-13 mendapati bahawa 91 peratus responden/pengundi mahukan pemimpin yang mesra dan berjiwa rakyat; parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan seperti ketelusan, keadilan, hak asasi manusia dan anti rasuah (85 peratus) dan menyokong gagasan 1Malaysia dan usaha transformasi oleh Perdana Menteri (70 peratus). Isu ekonomi menjadi perbualan utama pengundi di Kedah dan mereka berpuas hati dengan kepemimpinan di negeri Kedah dan di peringkat Persekutuan. Kajian juga menunjukkan bahawa BN terus mendapat sokongan responden (52 peratus di peringkat Parlimen dan 49 peratus di peringkat DUN), namun mereka menjangkakan Kerajaan PR Negeri Kedah masih dapat bertahan (49 peratus, berbanding BN 47 peratus), sebaliknya BN masih terus menang di peringkat Persekutuan (73 peratus).

Mohd Fuad et al. (2012a) dalam kajian politik alam sekitar di Kedah mendapati responden/pengundi di negeri tersebut secara keseluruhannya masih mempunyai persepsi bahawa isu alam sekitar tidak penting untuk diperjuangkan oleh parti politik namun mereka beranggapan bahawa isu alam sekitar merupakan tanggungjawab bersama antara rakyat dengan pihak berkuasa tempatan. Namun demikian sokongan kepada parti yang memperjuangkan isu alam sekitar berbeza mengikut latar belakang sosioekonomi apabila dibuat ujian statistik taburan/crossstab. Walau bagaimanapun, apabila isu alam sekitar dihangatkan oleh media terutamanya media arus perdana dan cuba dipolitikkan oleh parti politik lawan maka mereka terus menuing jari iaitu menyalahkan ahli politik iaitu sama ada ahli Dewan Undangan Negeri atau ahli Parlimen yang dikatakan tidak turun padang atau tidak serius untuk mengatasi masalah tersebut.

Mohd Fuad et al. (2012b) mendapati 91 peratus responden/pengundi mahukan pemimpin yang mesra dan berjiwa rakyat; parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan seperti ketelusan, keadilan, hak asasi manusia dan anti rasuah (85 peratus) dan menyokong gagasan 1Malaysia dan usaha transformasi oleh Perdana Menteri (70 peratus). Isu ekonomi menjadi perbualan utama pengundi di Kedah dan mereka berpuas hati dengan kepemimpinan di negeri Kedah dan di peringkat Persekutuan. Kajian juga menunjukkan bahawa BN terus mendapat sokongan responden (52 peratus di peringkat Parlimen dan 49 peratus di peringkat DUN), namun mereka menjangkakan Kerajaan PR negeri Kedah masih dapat bertahan (49 peratus, berbanding BN 47 peratus), sebaliknya BN masih terus menang di peringkat Persekutuan (73 peratus).

Kajian Mohd Fitri et al. (2013) menyatakan faktor calon dan isu setempat akan mempengaruhi keputusan PRU 2013 di Negeri Kedah. Junaidi & Mohd Fuad (2013) dalam kajian pola pengundian dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) 2009-2011 termasuk di DUN Bukit Selambau, Kedah mendapati sokongan kepada BN bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh kaum Melayu manakala bagi Pakatan Rakyat pula mendapat sokongan padu daripada kaum

Cina. Mohd Fuad et al. (2013) yang berkaitan dengan 16 Pilihan Raya Kecil (PRK) pasca PRU 2008 termasuk di DUN Bukit Selambau, Kedah mendapat terdapat persamaan dan perbezaan antara kesemua 16 kawasan PRK tersebut dalam aspek geografi pilihan raya dan ianya berkaitrapat dengan faktor isu semasa, sentimen etnisiti dan politik pembangunan serta ideologi pengundi di kawasan berkenaan. Justeru, persamaan dan kepelbagaian ini dapat dijadikan petunjuk dan strategi kepada parti-parti politik untuk menghadapi PRU ke-13. Noor Aishah (2013) dalam kajian yang bertajuk “Persepsi dan pilihan parti politik pra dan pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU ke-13) di Negeri Kedah Darul Aman” mendapat bahawa majoriti responden membaca akhbar Sinar Harian dan menonton TV3 untuk mendapatkan sumber maklumat politik mereka selain mendapatkan maklumat daripada internet. Isu ekonomi dan pembangunan serta alam sekitar merupakan isu yang paling kerap dibincangkan dan mereka mahukan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bangunan-bangunan awam dan sebagainya diselenggara dengan baik. Mereka juga inginkan pemimpin yang jujur dan mesra rakyat dan parti yang mempunyai calon yang berwibawa, bersih dan berpendidikan tinggi seterusnya menyokong transformasi yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri serta bantuan BR1M kepada rakyat namun masih yakin dengan kepimpinan Kerajaan Kedah. Responden menjangkakan BN akan menang majoriti mudah di peringkat nasional pada PRU 2013 dan mereka menyokong Datuk Mukhriz Mahathir untuk dipilih sebagai Menteri Besar Kedah selepas PRU ke-13. Meskipun 47.7 peratus menyatakan akan menyokong Pakatan Rakyat dalam PRU ke-13 namun peratusan responden yang ‘tidak pasti’ (12.0 peratus) menentukan kemenangan parti politik yang bertanding di Kedah dalam PRU 2013.

Mohd Sayuti (2014) dalam buku yang bertajuk “Inside Story: Kejatuhan Kerajaan PAS Kedah” menjelaskan bahawa faktor kekalahan PAS dalam PRU 2013 adalah kelemahan kepimpinan serta sifat dan sikap pemimpin PAS yang keras kepala dan sukar menerima pandangan pihak yang berbeza.

Kajian Sarjit, Mohd Razali & Ahmad Tarmizi (2014) yang membincangkan penglibatan politik belia Siam di Semenanjung Malaysia menjelaskan bahawa pada pasca PRU-12, belia minoriti khususnya dalam kalangan komuniti Siam dilihat sebagai golongan penting dalam mencorak landskap politik negara terutama dalam PRU-13 khususnya di beberapa buah negeri yang dominan dengan komuniti Siam seperti Kedah, Kelantan dan Perlis. Keputusan PRU-12 menunjukkan bahawa Barisan Nasional sebagai parti pemerintah tewas di Kedah dan masih lagi gagal menawan Kelantan yang mempunyai komuniti Siam paling ramai di Malaysia. Namun begitu, Kedah jatuh semula ke tangan BN pada PRU-13, sementara Kelantan masih kekal berada di bawah penguasaan Pakatan Rakyat (PR). Ini menunjukkan bahawa penglibatan mereka dalam pilihan raya begitu penting dalam membawa perubahan politik.

Menurut Hazman (2015) dalam penulisan beliau iaitu “Meneliti Pola Pengundian 1999-2013” menyatakan bahawa UMNO telah membuktikan kemantapan pentadbiran UMNO-BN dengan memenangi keseluruhan kerusi berkenaan. Hal ini jelas menunjukkan kepercayaan majoriti pengundi Melayu Kedah terhadap UMNO-BN untuk terus menerajui kepimpinan demokrasi yang terbaik buat rakyat. Setelah dianalisis pola pengundian di Negeri Kedah pada tahun 1999 (PRU-10), PAS berjaya mengumpul kekuatan yang besar dalam kalangan orang Melayu supaya menang di sebahagian DUN dan Parlimen. Sungguhpun begitu, tidak dinafikan bahawa majoriti orang Melayu Kedah masih setia menyokong UMNO-BN pada ketika itu kerana kemampuan Tun Mahathir Mohamad mengemudi ekonomi negara dalam menghadapi tempoh kemelesetan ekonomi. Pusat kekuatan UMNO di Kedah terletak di bahagian utara, manakala PAS di kawasan jelapang padi antaranya adalah Pendang, Yan dan Baling serta kawasan

selatan Kedah yang merupakan kerusi campuran yang dilihat mesra Pakatan Harapan (PH). Di kawasan pedalaman Kedah iaitu Padang Terap, Sik dan Baling pula, UMNO dan PAS saling kejar mengejar bagi menguasai kawasan berkenaan.

Mohd Nizar et al. (2016) menyatakan tingkah laku pengundi merupakan konsep penting untuk dibincangkan melalui penglibatan rakyat dalam sistem demokrasi pilihan raya dalam kajian mereka iaitu ‘Tingkah laku pengundi Melayu terhadap UMNO di negeri Kedah: Satu tinjauan awal’. Kajian mereka mengulas pendekatan tingkah laku pengundian dan sejarah pilihan raya umum serta kajian lepas berkaitan dengan politik dan pilihan raya. Kajian ini menggunakan sumber sekunder yang terdiri daripada kajian yang telah dijalankan di tempat lain oleh penyelidik tentang isu yang sama, serta data PRU yang lepas. Dapatkan ini merupakan suatu respons politik oleh pengundi terhadap polisi dan isu dalam proses pengundian.

Menurut Muhammad Tawfik et al. (2017), dinamika perubahan politik Melayu-Islam di Kedah bermula secara drastik selepas berlangsungnya Pilihan Raya Umum ke-12 sehingga ke-13 yang lalu. Artikel mereka iaitu ‘Transisi Politik Melayu-Islam Di Kedah: Analisis 2008-2016’ membincangkan transisi politik Melayu-Islam melalui fokus di negeri Kedah bermula dari tahun 2008 hingga krisis pertukaran Menteri Besar pada 2016. Kemunculan tsunami politik telah memberi peluang kepada parti oposisi khususnya PAS untuk mentadbir Kedah buat kali pertama semenjak merdeka. Sepanjang tempoh pentadbiran PAS di Kedah, dasar baru telah diperkenalkan oleh kerajaan negeri sehingga menghasilkan pelbagai impak politik, ekonomi dan sosial khususnya dalam memperkuuhkan kedudukan Melayu-Islam. Namun, kedudukan PAS di Kedah semakin terancam menjelang Pilihan Raya Umum ke-13 menerusi pelbagai krisis dalam politik peringkat negeri dan isu semasa yang gagal ditangani sebaiknya oleh parti berkenaan. Kerencaman isu yang berbangkit menyebabkan UMNO berjaya menguasai semula kerajaan yang sebelumnya ditadbir oleh PAS.

Abdullah, Mohd Firdaus & Arba’iyah (2018) menyatakan isu dan masalah bekalan air domestik pada PRU-14 di negeri Kedah mempunyai kepentingan tersendiri kepada setiap parti politik yang bertanding pada PRU-14 di negeri berkenaan. Malah isu berkenaan dilihat menjadi antara manifesto utama oleh setiap parti politik yang bertanding di Kedah sehingga membawa kepada kekalahan Barisan Nasional (BN) di Kedah pada PRU-14. Hasil penyelidikan ini mendapati, isu dan masalah bekalan air dilihat menjadi antara faktor utama kekalahan BN dan kemenangan kepada PH pada PRU-14 di Kedah.

Husna & Mohd Azul (2018) dalam kajian jenis media sosial yang digunakan oleh pengundi belia di negeri Kedah menunjukkan hampir majoriti responden memilih media sosial sebagai medium utama untuk mendapatkan maklumat politik berbanding televisyen dan surat khabar. Dalam pada itu, idealisme politik yang dikongsikan menerusi media sosial turut mempengaruhi belia dalam membuat keputusan undi. Kajian ini menunjukkan bahawa perkongsian maklumat politik di media sosial mampu mempengaruhi golongan belia dalam menentukan ahli ataupun parti politik yang bakal dipilih.

Welsh (2018) dalam penulisan beliau iaitu “Show Me The Money” menjelaskan bahawa menjelang PRU-13 Najib terus menyajikan rakyat dengan berbagai-bagai insentif kewangan dan sogokan lembut dalam mendapatkan sokongan. Anggaran bahawa perbelanjaan BN adalah sebanyak RM100 billion bagi kempen PRU-13. Konsep kesederhanaan yang dicanangkan Najib menerusi 1Malaysia dan wasatiyah turut direncatkan apabila BN mencalonkan dua ahli PERKASA seperti Zulkifli Nordin dan Ibrahim Ali untuk mewakili

gabungan parti tersebut. Namun, biarpun prestasi BN terus mengalami kemerosotan dalam PRU-13 iaitu dari 140 ke 133 kerusi, tetapi kerusi UMNO mengalami peningkatan ketara sebanyak 23 peratus iaitu dari 79 kerusi pada PRU-12 ke 109 kerusi pada PRU-13. Ia juga berjaya menawan semula negeri Kedah yang berada yang berada di bawah pemerintahan PAS. Perkembangan dari bermulanya era Najib sehingga ke PRU-13 yang lalu menyarankan apabila UMNO cuba berjinak dengan idea liberalisasi dalam PRU-12, parti itu didapati berada dalam keadaan tergugat. Namun pada PRU-13 yang didominasi oleh konservatisme politik, agama dan perkauman ternyata meningkatkan populariti UMNO di kalangan penduduk luar bandar yang menjadi pangkalan utama sokongannya.

Nur Syahida (2019) dalam kajian yang bertajuk “Persepsi terhadap kepimpinan Pakatan Harapan (PH) pasca PRU 2018 di kawasan DUN (N.09) Bukit Lada, Pokok Sena, Kedah” mendapati bahawa majoriti responden memberi maklum balas bahawa setiap pemimpin mestilah menuaikan janji seperti yang termaktub dalam manifesto semasa pasca PRU 2018 berlangsung. Selain itu, responden menyuarakan supaya Kerajaan Baharu PH sepatutnya lebih tegas dalam mempertahankan kesucian Islam dan hak istimewa Bumiputera. Sehubungan dengan itu, diharap supaya kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan dan bahan bacaan ilmiah kepada generasi akan datang khususnya bagi mereka yang akan menjalankan kajian tentang arena politik Malaysia di samping dapat membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang mempunyai literasi atau kefahaman politik yang tinggi.

Mohd Nizar (2020) dalam tesis PhD beliau yang bertajuk ‘Tingkah Laku Dan Faktor Pengundian Dalam Kalangan Pengundi Melayu Terhadap UMNO Pada Pilihan Raya Umum 2004 Hingga 2018 Di Negeri Kedah’ menjelaskan bahawa tingkah laku pengundi Melayu di Kedah bercorak pendulum iaitu menghayun ke kiri dan berlaku hakisan sokongan terhadap UMNO. Trend ini mula berlaku dalam PRU-11 (2004), PRU-12 (2008) dan PRU-13 (2013). Kemuncak hayunan dan penolakan terhadap UMNO dimanifestasikan pada PRU-14 pada 2018. Pencapaian objektif kajian kedua menunjukkan bahawa pengundi menyatakan sokongan terhadap UMNO bukan sahaja dipengaruhi oleh aspek kepimpinan, kawasan, status ekonomi, latar belakang sosial sebaliknya wujud penilaian yang mengambil kira faktor calon dan dasar parti. Keunikan pengundi Melayu di Kedah mengundi adalah berdasarkan kepada kepelbagaiannya teori tingkah laku pengundian di samping bersikap emosional dalam sesuatu pilihan raya sehingga membentuk tingkah laku pengundian bersifat karekteristik unik.

Junaidi, Nur Ellyanis & Mohd Syukri (2020) dalam kajian politik belia Melayu Kedah mendapati golongan belia Melayu sudah semakin berani untuk mengkritik jika terdapat pemimpin yang tidak faham dengan pandangan mereka. Hal ini juga berkait rapat dengan kecairan sifat feudal dalam jiwa generasi belia Melayu dan disebabkan itu mereka tidak lagi mengambil kisah tentang ketaatan kepada parti politik tetapi lebih kepada untuk mencari penyelesaian sesuatu masalah demi kebaikan negara. Golongan belia Melayu juga merupakan golongan yang paling ramai menjadi pengundi atas pagar dan sekali gus bertindak sebagai penentu kemenangan kepada sesebuah parti politik. Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa peranan belia penting dalam membentuk sebuah negara yang maju dan berani ke hadapan bagi turut serta dalam proses pembangunan sosioekonomi dan sosiopolitik sesebuah negara.

Nur Hani Jannatun Najwa (2021) dalam kajian yang bertajuk “Prestasi dan populariti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Kedah dibawah Perikatan Nasional: Kajian kes di kawasan DUN Jitra, Kedah” mendapati bahawa majoriti responden meletakkan kepercayaan tinggi kepada

sumber maklumat media elektronik. Selain itu, prestasi pemerintahan Kerajaan Persekutuan dibawah PN (BERSATU) menerima sambutan yang baik manakala pemerintahan Kerajaan di peringkat Negeri dibawah PN (PAS) hanya meraih sebanyak 34 peratus bagi prestasi baik. Diharapkan dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai strategi pelaksanaan dasar dan gerak kerja agensi kerajaan yang berkait dengan politik pilihan raya.

Nur Hani Jannatun Najwa & Junaidi (2021) dalam kertas kerja yang bertajuk "Prestasi dan populariti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Kedah dibawah Perikatan Nasional: Kajian kes di kawasan DUN Jitra, Kedah" mendapati bahawa penilaian prestasi pemerintahan Kerajaan Persekutuan dibawah PN (BERSATU) menerima sambutan yang baik dengan peratusan sebanyak 60 peratus manakala pemerintahan Kerajaan di peringkat Negeri dibawah PN (PAS) hanya meraih sebanyak 34 peratus untuk prestasi yang baik. Seterusnya, sebanyak 60 peratus responden memilih pernyataan 'rakyat muak dan kecewa dengan isu politik pilihan raya sekarang'.

Mohamad Ainuddin Iskandar et al. (2021) dalam dalam bab dalam buku yang bertajuk "Dinamika pengundi luar bandar di Kedah dalam PRU-14" untuk buku 'Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14' menjelaskan bahawa PRU-14 kali ini menyaksikan kekalahan teruk BN di Kedah apabila mereka hilang hampir keseluruhan 21 kerusi DUN yang dimenangi pada PRU-13 lalu. Sementara itu, BN hanya mampu mempertahankan 2 kerusi parlimen berbanding 10 kerusi yang dimenangi pada PRU-13. Oleh itu, peralihan undi Melayu luar bandar kepada PAS disebabkan isu nasional seperti isu GST dan kos sara hidup yang tidak ditangani dengan baik oleh kerajaan pusat dan kerajaan negeri yang dikuasai BN/UMNO serta kepimpinan UMNO yang bermasalah menyebabkan mereka tidak lagi yakin terhadap UMNO/BN.

Hani Jannatun Najwa (2021) dan Hani Jannatun Najwa & Junaidi (2021) dalam kajian yang bertajuk "Prestasi Dan Populariti Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Kedah Dibawah Perikatan Nasional: Kajian Kes Di Kawasan DUN Jitra, Kedah" mendapati bahawa majoriti responden meletakkan kepercayaan tinggi kepada sumber maklumat media elektronik. Selain itu, prestasi pemerintahan Kerajaan Persekutuan dibawah PN (BERSATU) menerima sambutan yang baik manakala pemerintahan Kerajaan di peringkat Negeri dibawah PN (PAS) hanya meraih sebanyak 34 peratus bagi prestasi baik.

### **Metod Kajian**

Bagi metod kajian, penulisan artikel ini menggunakan pendekatan penghuraian maklumat kualitatif daripada sumber sekunder iaitu artikel jurnal, buku akademik dan kertas persidangan berdasarkan tema PRN Kedah 2023 yang kemudiannya dianalisis berdasarkan faktor dan pola pengundian. Data sekunder dirujuk untuk memantapkan lagi artikel ini dalam konteks ilmiah. Data sekunder merupakan maklumat berbentuk kualitatif melibatkan pengumpulan maklumat yang telah direkodkan dengan baik dalam bentuk rakaman bertulis. Dalam kajian ini, pengumpulan data sekunder diperoleh dengan melakukan penyelidikan kepustakaan. Segala kajian lepas dan data daripada sumber kedua iaitu buku akademik, artikel jurnal serta kertas kerja persidangan/simposium/seminar dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang berkaitan dengan penyelidikan sesuatu kajian. Di samping itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat dari media-media elektronik seperti melayari laman sesawang/internet bagi mendapatkan maklumat tambahan secara atas talian seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan artikel jurnal. Analisis data pula melibatkan adunan antara maklumat kualitatif berdasarkan pemerhatian di lapangan, data kuantitatif iaitu data keputusan pilihan raya umum

serta analisis maklumat sekunder dilakukan bagi bahan-bahan bercetak dan atas talian (internet).

## **Hasil Kajian dan Perbincangan**

### **Keputusan PRN Kedah 2023**


Perikatan Nasional (PN) mengesahkan penguasaan di dua pertiga iaitu 33 daripada 36 kerusi DUN dipertandingkan di Kedah termasuk 15 kerusi yang disandang PAS. Antara kerusi dimenangi gabungan itu adalah Ayer Hitam, Bukit Kayu Hitam, Jitra, Kuala Nerang, Pedu, Bukit Lada, Bukit Pinang, Alor Mengkudu, Anak Bukit, Pengkalan Kundor, Sungai Limau, Guar Chempedak dan Gurun. Turut dimenangi PN adalah Belantek, Jeneri, Bayu, Kupang, Kuala Ketil, Merbau Pulas, Kulim, Bandar Baharu, Ayer Hangat, Kuah dan Suka Menanti (Lihat Rajah 1). Kemenangan itu sekali gus membolehkan PN yang ditunjangi Pas bersama Bersatu dan Gerakan akan terus menerajui pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah.

Jumlah kemenangan yang diperoleh PN itu lebih besar berbanding kedudukan sebelum ini iaitu PAS 15 kerusi dan BERSATU enam kerusi. Barisan Nasional (BN) pula hilang tiga kerusi yang dimenangi mereka pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) iaitu Sungai Tiang, Guar Chempedak dan Bandar Baharu apabila tewas di kesemua 15 kerusi yang ditandingi. PH hanya menang di 3 kerusi iaitu Kota Darulaman (DAP), Bakar Arang (PKR) dan Sidam (PKR).

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor yang juga Pengerusi PN Kedah berjaya mempertahankan DUN Jeneri dengan majoriti 16,050 undi menewaskan calon muka baharu BN, Datuk Muhamad Khizri Abu Kasim yang juga Ketua UMNO Bahagian Sik. Sementara itu, Pengerusi BN Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid tewas di tangan penyandang DUN Pedu daripada PN, Mohd. Radzi Md. Amin yang menang dengan majoriti 6,373 undi. Pengerusi PH Kedah, Datuk Mahfuz Omar juga tewas kepada calon PN yang merupakan bekas pemain bola sepak iaitu Mohamad Radhi Mat Din di DUN Alor Mengkudu. Mohamad Radhi menang dengan majoriti 10,104 undi.

Calon PN yang menjadi tumpuan iaitu bekas Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr. Haim Hilman Abdullah mewakili PN juga meraih kemenangan di DUN Jitra setelah mencatat majoriti besar 23,172 undi menewaskan calon PH, Datin Sabrina Ahmad. Sementara di DUN Gurun pula, ikon bola sepak, Baddrol Bakhtiar berjaya merampas kerusi itu daripada PH dengan menewaskan saingannya iaitu Mohammed Firdaus Johari dengan majoriti 6,584 undi. Turut tewas bekas Ketua Pembangkang DUN Kedah, Datuk Zamri Yusof (Suka Menanti); Pengerusi AMANAH Kedah, Datuk Dr Ismail Salleh (Pengkalan Kundor) dan Pengeusi DAP Kedah, Tan Kok Yew (Derga).

Selain calon nama besar yang tumbang, keputusan PRN di Kedah turut menyaksikan ramai muka baharu memangga kerusi ditandingi masing-masing. Antaranya bekas Naib canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Haim Hilman yang menewaskan calon Pakatan Harapan (PH), Sabrina Ahmad di DUN Jitra, selain Muhammad Radhi Mat Din yang menewaskan Mahfuz di Alor Mengkudu. Bekas kapten bola sepak Kedah, Baddrol Bakhtiar turut menang di DUN Gurun apabila menewaskan Firdaus Johari, manakala Dzowahir Ab Ghani menewaskan Zamri di Suka Menanti.



**Rajah 1: Peta Taburan Geografi Kawasan DUN yang Dimenangi Parti Politik yang Bertanding dalam PRN Kedah, 2023**

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2023

### ***Naratif Antropologi Hubungan Identiti Sosial dan Tingkahlaku Pengundi dalam PRN Kedah***

Premis kajian ini ialah apabila pemodenan berjalan dengan laju tanpa sempadan, masyarakat industri akan beralih kepada keseimbangan dengan identiti nasional sejagat, tahap konflik yang rendah dan output yang tinggi berasaskan persaingan dan kecekapan mengurus. Keadaan ini berlaku jika kebanggaan individu terhadap negara adalah tinggi, perbezaan etnik tidak menonjol dalam fikiran masyarakat, sumber tidak melimpah atau tidak berlaku ketirisan dan tadbir urus institusi adalah berkualiti. Jika tidak, masyarakat akan beralih kepada keseimbangan dengan identiti etnik sejagat berasaskan kerangka sistem kapitalis dan hasil ekonomi yang mampan serta sentimen politik merentasi etnik, agama dan wilayah. Justeru itu, dasar pembinaan negara berasaskan struktur sosial dan sokongan sosial memainkan peranan yang sangat penting dalam mengatasi kesan negatif pemodenan yang lazimnya berakhir dengan protes, demonstrasi dan konflik yang diterjemahkan dalam bentuk pengundian terhadap parti yang pemerintah.

Keadaan ini dapat dilihat apabila dalam Pilihan Raya Negeri Kedah 2023, isu-isu yang menyentuh tentang struktur sosial, sokongan sosial dan identiti sosial banyak diketengahkan dalam bahan kempen, ceramah dan manifesto. Hal ini kerana aspek-aspek ini sangat dekat dalam sistem sosial masyarakat dan mencerminkan ketamadunan mereka dalam sistem demokrasi berparlimen. Struktur sosial secara teoritikalnya merujuk kepada kerangka di mana sesebuah masyarakat itu ditubuhkan. Ia menentukan norma dan corak hubungan antara pelbagai institusi masyarakat. Struktur sosial membimbing tingkah laku manusia dan tingkah laku politik mereka. Lokasi seseorang dalam struktur sosial seperti kelas sosial, status sosial, peranan yang dimainkannya, budaya, kumpulan dan institusi sosial di mana dia berada mendasari persepsi, sikap dan tingkah lakunya terhadap sistem politik negara, parti politik yang bertanding dan maklumbalasnya terhadap calon yang bertanding. Bertitik tolak daripada itu, pola pengundian dan tingkah laku pengundi dalam PRN Kedah 2023 menunjukkan bahawa identiti sosial, kesejahteraan sosial, budaya dan agama telah diangkat sebagai sumber utama berbanding dengan aspek lain. Pelbagai pelabelan telah dilontarkan terhadap pihak yang mengangkat isu ini sebagai isu utama atau modal politik dalam usaha mereka menarik perhatian para pengundi.

Jika dilihat dari segi demografi, penduduk di negeri Kedah terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India serta beberapa etnik lain seperti Siam Malaysia dan kumpulan Orang Asli kaum Kensiu. Populasi penduduk di Kedah adalah sebanyak 2.1 juta menurut statistik yang dikeluarkan pada tahun 2020. Berdasarkan bancian penduduk Malaysia 2020 juga, majoriti penduduk warganegara di Kedah merupakan Melayu/Bumiputera iaitu sebanyak 80.1 peratus dari jumlah warganegara, Sebanyak 95.6 peratus dari jumlah penduduk merupakan warganegara manakala 4.4 peratus merupakan bukan warganegara. Menurut bancian penduduk Malaysia 2020, majoriti penduduk di negeri Kedah beragama Islam iaitu sebanyak 78.5 peratus daripada jumlah penduduk, diikuti Buddha sebanyak 12.4 peratus, Hindu sebanyak 5.9 peratus, Kristian sebanyak 0.8 peratus, sebanyak dua peratus tidak diketahui atau tidak beragama dan lain-lain agama sebanyak 0.5 peratus.

Dari segi sosio-ekonominya pula, negeri Kedah banyak bergantung kepada sektor logistik, pendidikan, industri kecil dan sederhana, pertanian, perhutanan, pelancongan, warisan dan pembuatan. Negeri Kedah masih lagi dianggap sebagai Negeri Jelapang Padi Malaysia, mencakupi satu pertiga daripada keseluruhan pengeluaran beras negara. Di samping itu, lain-lain produk pertanian, termasuk getah, kelapa sawit dan tembakau juga penting dalam memacu

pertumbuhan ekonomi negeri Kedah. Sektor pelancongan, khususnya di pulau Langkawi semakin penting kerana kebanyakkan sumber pendapatan negeri banyak bergantung kepada sektor pelancongan di Langkawi. Dalam masa yang sama negeri Kedah juga sedang merancakkan kemajuan ekonomi ke arah industri automotif dan aeroangkasa dengan Modenas dan Rencam Asia menubuhkan pangkalan di sini. Salah satu kelebihan utama di negeri Kedah ialah kos buruh yang rendah dan infrastruktur di tempat yang strategik berhampiran dengan Lebuhraya Utara-Selatan dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Pada tahun 1996, Kulim Hi-Tech Park (KHTP) telah dibuka secara rasmi sebagai taman perindustrian teknologi tinggi yang pertama di Malaysia. Pembangunan fizikal dan sosial yang berkembang dengan pesatnya di negeri Kedah walaubagaimanapun tidak membantu dalam mengubah struktur sosial masyarakatnya yang masih lagi cuba untuk mengekalkan identiti sosial mereka sebagai etnik Melayu beragama Islam dan pandangan mereka tentang pembangunan adalah berbeza berbanding dengan etnik Melayu di pantai barat seperti di negeri Selangor dan negeri Sembilan. Maka di sinilah Pas sebagai parti politik yang ideologinya berasaskan agama telah mendapat tempat berbanding dengan Umno yang digambarkan sudah lari daripada perjuangan mereka dalam mempertahankan etnik Melayu, agama, bahasa dan budaya mereka. Parti PAS telah dilihat sebagai alternatif dalam memperjuangkan agenda Melayu dan Islam. Proses doktrinasi dan pelabelan melampau bertahun lama terhadap parti DAP oleh Tun Dr Mahathir sebagai mantan Presiden UMNO dan mantan Perdana Menteri selama 23 tahun sebagai parti yang mengancam kedudukan Bahasa Melayu, kepentingan dan hak Orang Melayu serta Agama Islam telah menyebabkan kerajaan perpaduan yang dibentuk pada hari ini melalui nasihat Yang Dipertuan Agung tidak diterima sepenuhnya oleh masyarakat Melayu di Kedah.

Meskipun begitu proses untuk memahamkan masyarakat Melayu di Kedah tentang pentingnya pembentukan kerajaan perpaduan melalui gabungan dengan parti DAP sebagai parti komponen dalam PH tidak diterangkan dengan sepenuhnya oleh jentera parti UMNO hingga ke akar umbi. Hal ini kerana Umno masih lagi terperangkap dan sibuk mengurus isu rasuah yang menimpa pemimpin utama mereka. Di samping itu, penerangan tentang pembentukan kerajaan perpaduan juga hanya berkisar di peringkat elit politik oleh Umno sebagai parti tunjang Orang Melayu. Keadaan ini bertambah parah apabila calon-calon yang dipilih oleh kepimpinan UMNO-PH untuk bertanding melawan PN dalam PRN Kedah 2023 telah diragui dari segi kredibiliti, kesesuaian dan dipertikaikan serta tidak diterima sepenuhnya oleh masyarakat di Kedah.

Ketidakseragaman dan konflik dalam kalangan jentera parti kerajaan perpaduan juga telah memberi ruang dan peluang yang besar kepada PN untuk memenangi pilihanraya negeri ini terutamanya parti PAS. Tumpuan yang terlalu terfokus dan melampau terhadap Menteri Besar Datuk Seri Sanusi juga telah mengundang simpati masyarakat dan menyebabkan beliau dianggap sebagai hero dan kemudianya diangkat sebagai ikon dalam memperjuangkan kepentingan Orang Melayu dan Islam. Senario ini dilihat berpotensi membantu PAS sebagai parti utama atau parti yang paling menonjol berbanding dengan Bersatu dalam menentang parti kerajaan perpaduan dalam pilihanraya negeri ini. Berdasarkan kepada situasi ini jelas menunjukkan bahawa modal politik yang digunakan dalam PRN Kedah 2023 adalah berkisar tentang identiti sosial dan struktur sosial masyarakat Melayu di mana agama Islam diletak sebagai panduan kehidupan mereka. Isu-isu pembangunan dan modenisasi kurang disentuh dan tidak diletakkan sebagai modal utama dalam pilihanraya kali ini. Hal ini mungkin kerana sentimen masyarakat digerak dan dipacu oleh modal agama dan etnik melalui media sosial terutamanya melalui aplikasi tik tok oleh PN yang disasarkan kepada kerajaan perpaduan dan tidak berjaya ditepis oleh jentera komunikasi kerajaan perpaduan terutamanya UMNO dan PH.

PH terus menguasai wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia di Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang di kawasan bandar dan separa bandar campuran etnik dan majoriti Cina. Terdapat beberapa faktor yang dikumpulkan yang menjadi penyebab sokongan majoriti pengundi Cina dan India di kawasan yang telah dinyatakan iaitu bermula dengan PH sebagai parti berbilang kaum yang sesuai dengan komposisi etnik pengundi; kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim; simpati kerana PH dijatuhkan ketika Langkah Sheraton pada Mac 2020; politik nilai (spt tatakelola yang baik, integriti, adil dan amanah) dalam PH diterima pengundi; isu integriti dan kepimpinan yang baik; kempen melalui media sosial (Twitter, Facebook dan Youtube) yang berkesan; retorik ceramah pemimpin yang mempesonakan; dan kepimpinan yang bersih, berpengalaman dan muda/bertenaga.

BN kekal berkuasa di kawasan luar bandar di Negeri Sembilan namun dengan jumlah kerusi yang menyusut. Terdapat beberapa faktor yang dikumpulkan yang menjadi penyebab sokongan majoriti pengundi Melayu di kawasan yang telah dinyatakan iaitu bermula dengan berpengalaman dalam pentadbiran negara; jasa BN dalam memajukan negara; kepimpinan yang diyakini, inginkan Kerajaan yang stabil dibawah kepimpinan BN; sederhana dalam urusan pemerintahan negara; berkhidmat kepada rakyat demi agama, bangsa dan negara; dan kesetiaan ahli parti.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, terdapat tiga kesimpulan utama yang boleh dibuat dalam memahami hubungan antara identiti sosial dan tingkahlaku pengundi dalam PRN Kedah 2023. Kesimpulan yang pertama ialah identiti sosial Orang Melayu berdasarkan agama, hak, status, budaya, bahasa dan nilai sosial telah dijadikan modal politik oleh Parti PN untuk memastikan mereka dilihat sebagai parti yang menjuarai Orang Melayu berbanding dengan parti kerajaan perpaduan. Hal ini kerana identiti sosial sangat dekat di hati Orang Melayu berbanding dengan pemodenan yang dikecapai melalui proses modenisasi. Kesimpulan yang kedua ialah jentera komunikasi kerajaan perpaduan terutamanya UMNO dan PH sangat lemah dan tidak disusun dengan baik hingga menyebabkan mereka gagal menjawab persepsi yang dikemukakan oleh parti PN. Jentera Parti PH dan UMNO terlalu bersifat berdiam diri tanpa bertindak balas dengan sentimen dan propaganda yang dibangkitkan oleh PN terutamanya PAS. Seterusnya, kesimpulan yang ketiga ialah proklamasikan Melayu yang dicanangkan oleh PN terutamanya PAS telah berjaya menyentuh hati para pengundi muda yang sememangnya merupakan king maker yang menentukan parti mana yang dapat membentuk kerajaan. Hal ini kerana Umno dilihat tidak mampu menguruskan Orang Melayu dan tugas itu harus diserahkan kepada PN terutamanya PAS. Keadaan ini ditambah lagi dengan masalah dalaman UMNO yang banyak terbeban dengan isu rasuah yang menyelubungi pemimpin utama mereka.

### **Penghargaan**

Penghargaan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana membiayai projek penyelidikan ini melalui Geran Kecil Penyelidikan (GKP) dengan kod penyelidikan SK-2023-021.

### **Rujukan**

Abdul Halim Sidek, Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Mohd Awal, Khaidzir Ismail. (2010). Penolakan sentimen etnik dalam politik semasa Malaysia: Kes pilihan raya kecil 2009 Bukit Selambau, Kedah. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 6(3), 46-56.

- Abdul Rahman Ibrahim. (2000). Kualiti Dan Kepuakan Dalam Politik: Rujukan Khusus Ke Atas UMNO Dan Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah. Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaysia.
- Boey Chin Gan. (1992). MCA atau DAP yang mendapat sokongan kaum Cina? Satu Tinjauan di kawasan Dewan Undangan Negeri Kota Darulaman (N10). Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali Mayudin. (1990). Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Pantai Merdeka Mac 1990. Laporan Akhir Teknik Penyelidikan. Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ghazali Mayudin. (2000). ‘Warna kulit’ di sebalik penyokong UMNO dan PAS di Sala. Dlm. Maizatul Haizan Mahbob, Mohamad Zain Musa (eds). *Tinjauan baru politik Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali Mayudin & Mohd Rizal Mohd Yaakop. (2000). Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Lunas November 2000. Laporan Akhir Teknik Penyelidikan. Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hafizul A. Hamid. (2008). Tinjauan pendapat umum mengenai pra-Pilihan Raya 2008/2009: Kajian kes di Kawasan Parlimen P.016 Baling, Kedah. Latihan Ilmiah. Program Geografi, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hani Jannatun Najwa Pazil. (2021). Prestasi dan populariti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Kedah dibawah Perikatan Nasional: Kajian kes di kawasan DUN Jitra, Kedah. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hani Jannatun Najwa Pazil & Junaidi Awang Besar. (2021). Prestasi dan populariti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Kedah dibawah Perikatan Nasional: Kajian kes di kawasan DUN Jitra, Kedah. *Buku Kompilasi Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda 2021 (PERSADA 2021)*. Anjuran: Sekretariat Prasiswazah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Platform YouTube FSSK UKM. Hlm. 128-139. 26 Jun.
- Hazman BA. (2015). Meneliti pola pengundian 1999-2013 [Cited 15 April 2016]. Available from: [www.propartiislammalaysia.blogspot.my](http://www.propartiislammalaysia.blogspot.my).
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2009). Pilihan Raya Kecil DUN Bukit Selambau (N25) April 2009: Satu tinjauan dari sudut etnik. *Kertas Kerja Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia Ke-11 (SKIM XI)*. Kampus Dipati Ukur, Universitas Padjadjaran, Bandung, Indonesia Anjuran Universitas Padjadjaran, Bandung dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 10-12 November.
- Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori & Mohd Syukri Zainuddin. (2020). Pola sokongan belia Melayu dalam PRU-14 di beberapa DUN terpilih dalam negeri Kedah. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 16(4), 150-163.
- Ku Hasnan Ku Halim & Yusri Yusof. (2008). Tsunami politik Pilihan Raya Umum Ke-12 di Kedah Darul Aman: Terhakisnya dominasi Barisan Nasional. Dlm. Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib, Abdul Kadir Rosline (eds). *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke-12*. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, Junaidi Awang Besar, Mohd Nizar Sudin & Nur Ellyanis Mohd Basori. (2021). Dinamika pengundi luar bandar di Kedah dalam PRU-14. Dlm. Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff

- (Penyelenggara). *Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14*, hlm. 83-116. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Abdulah & Arba'iyah Mohd Noor. (2018). Isu bekalan air domestik: Antara kejayaan dan kekalahan pada PRU-14 di Negeri Kedah. *Jurnal Peradaban*, 11, 115-150.
- Mohd Fitri Abd Rahman, Mohd Hilmi Hamzah & Jamaludin Mustaffa. (2013). Kedah: Jangkaan dan ramalan isu menjelang PRU-13. Dlm. Shamsul Amri Baharuddin & Mansor Mohd Noor. *PRU-13: Siapa pilihan pengundi*. Bangi: Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fuad Mat Jali, Ahmad Nidzammuddin Sulaiman & Zaini Othman. (2005). Pungutan pendapat awam pra-pilihan raya umum 1999: Satu kajian kes di Kedah Darul Aman. Dlm. Maizatul Haizan Mahbob & Mohamad Zain Musa. *Tinjauan baru politik Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fuad Mat Jali, Ahmad Nidzammuddin Sulaiman dan Zaini Othman. (2001). Pra-Pilihan Raya Umum 1999. Analisis pungutan pendapat di negeri Kedah Darul Aman. Kertas Kerja Seminar Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan ke-4. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Amriah Buang, Mohd Jalaluddin Hashim, Novel Lyndon, Hamzah Jusoh, Habibah Ahmad, Sivapalan Selvadurai, Er Ah Choy & Mohd Yusof Hussain. (2012). Pengaruh politik alam sekitar terhadap persepsi pengundi: Kajian kes DUN Kedah. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(6), 117-133.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Mohd Jalaludin Hashim, Novel Lyndon & Viknesh Ramachandran. (2012a). Pendapat politik awam pra-Pilihan Raya Umum ke-13 di Kedah. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 8(8), 55-64.
- Mohd Jalaludin Hashim, Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Viknesh a/l Ramachandran. (2012). Pendapat Awam Mengenai Politik di Kedah Menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13. *Kertas Kerja International Conference On Social Sciences And Humanities (ICOSH) 2012*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. 12-13 Disember.
- Mohd Nizar Sudin. (2020). Tingkah Laku dan Faktor Pengundian dalam Kalangan Pengundi Melayu Terhadap UMNO Pada Pilihan Raya Umum 2004 Hingga 2018 di Negeri Kedah. Tesis PhD, Geografi Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Nizar Sudin, Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2016). Tingkah laku pengundi Melayu terhadap UMNO di negeri Kedah: Satu tinjauan. *Geografia: Malaysian Journal of Society And Space*, 12(14), 79-85.
- Mohd Sayuti Omar. (2014). *Inside Story: Kejatuhan Kerajaan PAS Kedah*. Kuala Lumpur: Tinta Merah.
- Noor Aishah Abu Bakar. (2013). Persepsi dan pilihan parti politik pra dan pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU ke-13) di Negeri Kedah Darul Aman. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Mohamed Fazal Mohamed Sultan, Nurhidayah Hamid, Shakira Khairudin & Harishon Radzi. (2011). Persepsi Politik dalam Dialek Kedah: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Linguistik*, 1-23.
- Norlaila Bakar. (2000). Persepsi dan partisipasi politik di kalangan guru: Kajian Kes di daerah Sik, Kedah. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nur Hani Jannatun Najwa Pazil. (2021). Prestasi dan populariti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Kedah dibawah Perikatan Nasional: Kajian kes di kawasan DUN Jitra, Kedah. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Hani Jannatun Najwa Pazil & Junaidi Awang Besar. (2021). Prestasi dan populariti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Kedah dibawah Perikatan Nasional: Kajian kes di kawasan DUN Jitra, Kedah. *Buku Kompilasi Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda 2021 (PERSADA 2021)*. Anjuran: Sekretariat Prasiswazah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Platform YouTube FSSK UKM. Hlm. 128-139. 26 Jun.
- Nur Syahida Abdul Rahman. (2019). Persepsi terhadap kepimpinan Pakatan Harapan (PH) pasca PRU 2018 di kawasan DUN (N.09) Bukit Lada, Pokok Sena, Kedah. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarjit S. Gill, Mohd Razali Harun & Ahmad Tarmizi Talib. (2014). Komuniti minoriti dan pembentukan landskap politik lokal: Penglibatan politik belia Siam di Semenanjung Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(2), 95-103.
- Yaakub, M. T. Md Rasip, O. Azizan, M. U. (2017). *Transisi Politik Melayu-Islam Di Kedah: Analisis 2008-2016*. Universiti Sains Islam Malaysia.